

'Saya akan kejar cita-cita sebagai doktor perubatan'

Nilai: "Saya teruja diterima melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Sains dan Teknologi. Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita sebagai doktor perubatan," kata Muhamad Hafizuddin Hazairami, 18, bekas pelajar Sekolah Agama Sultan Muhammad Batu Berendam, Melaka.

Muhamad Hafizuddin antara 910 pelajar yang mendaftar sebagai pelajar baru di Pusat Tamhidi Universiti

Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, bagi sesi 2015/2016, kelmarin.

Menurutnya, menjadi impiannya melanjutkan pengajian di USIM kerana antara universiti yang memberi penekanan aspek keagamaan iaitu integrasi ilmu Aqli dan Naqli.

"Saya berharap dapat belajar dengan baik dan berjaya mencapai cita-cita sepanjang berada di sini," katanya selepas mendaftar di Dewan Besar USIM.

Bagi Aimi Afiqah Sulaiman, 18, yang juga bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah, Melaka melahirkan rasa gembira terpilih melanjutkan pengajian di USIM.

"Saya melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat dan berharap dapat memenuhi cita-cita menjadi akauntan selain meningkatkan ilmu agama sepanjang berada di sini," katanya.